



TAMAN TASIK SEREMBAN

**JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP,
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

1.0 LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF

Taman Tasik Seremban mula dibangunkan sekitar tahun 1900 dan merupakan antara tasik semulajadi tertua di Malaysia. Secara tak langsung, ia adalah sebahagian taman awam yang di pelihara oleh Majlis Bandaraya Seremban . Kawasan yang berkeluasan 16 ekar ini telah diwartakan sebagai Taman Rekreasi. Buat masa ini ia dilengkapi oleh kemudahan-kemudahan asas seperti wakaf, taman permainan, laluan pejalan kaki dan lampu taman. Taman Tasik Seremban merupakan kawasan taman rekreasi yang mempunyai pelbagai aktiviti riadah bagi seisi keluarga dengan mengambil kira kesemua faktor keselamatan, inklusif dan keselesaan pengunjung. Kawasan rekreasi ini bakal menjadi satu tarikan kepada pengunjung tempatan dan juga penduduk sekitar yang akan menjadikan kawasan ini sebagai salah satu destinasi menarik bagi meluangkan masa lapang bersama keluarga dan rakan- rakan. Kedudukan tapak yang berada ditengah-tengah pusat bandar Seremban menjadikan ianya taman rekreasi yang menjadi tumpuan orang awam.

2.0 MAKLUMAT TAPAK

2.1 Hak milik tapak

Tapak cadangan Taman Rekreasi Awam, Taman Tasik Seremban ini merupakan tanah milik Majlis Bandaraya Seremban. Tapak ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan diwartakan sebagai Kawasan rekreasi dan tanah lapang. Tapak ini di bawah seliaan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan diselenggara oleh Majlis Bandaraya Seremban.

2.2 Status Tanah

Taman Tasik Seremban telah diwartakan sebagai kawasan rekreasi dan kawasan lapang. Walau bagaimanapun ianya disenaraikan dalam Rancangan Tempatan Malaysia Vision Valley 2045.

2.3 Keluasan tapak

Keluasan kawasan Taman Tasik Seremban ini ialah berkeluasan 16 ekar dan ianya merupakan tanah lapang dan rekreasi.

2.4 Lokasi

Taman Tasik Seremban ini terletak di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Lokasinya terletak dalam Mukim Bandar Seremban, Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Ia berada di tengah-tengah pusat bandar.

Rajah 01: Pelan Kunci



Rajah 02: Pelan Lokasi



3.0 ANALISIS TAMAN TASIK SEREMBAN

3.1 TAMAN TASIK SEREMBAN

Taman Tasik Seremban merupakan kawasan lapang dan rekreasi yang strategik dan berada di tengah-tengah pusat bandar. Taman Tasik Seremban merupakan kawasan yang bertopografi mendatar dan beralun. Ianya mempunyai beberapa jalan servis yang merentasi tapak cadangan. Berdasarkan pemerhatian di tapak didapati kedudukannya berada lebih rendah dari paras jalan.

Gunatanah di kawasan tersebut didapati mempunyai kemudahan rekreasi seperti pentas terapung, astaka, wakaf, laluan pejalan kaki, lampu taman, taman permainan, bangku taman, tandas, parkir dan beberapa jenis spesis pokok teduhan. Taman Tasik Seremban ini telah mempunyai beberapa keperluan asas taman walau bagaimanapun beberapa penambahbaikan komponen perlu dilakukan.

3.2 Kemudahsampaian

Taman Tasik Seremban terletak di kawasan yang strategik. Oleh itu, kemudahsampaian kawasan rekreasi terletak di tengah-tengah bandar, taman ini berada berhampiran dengan beberapa mercu tanda utama seperti Masjid Negeri dan Pejabat MAINS. Taman Tasik Seremban sangat mudah diakses, tetapi peningkatan dalam pengurusan parkir mungkin perlu dipertimbangkan pada waktu puncak.



Rajah 04 : Laluan ke tapak cadangan dari Bandar Seremban dengan menggunakan beberapa jalan besar yang menghubungkannya.

3.3 Sistem Saliran / Kawasan badan air

Terdapat satu badan air iaitu sebuah tasik dengan anggaran 9 ekar daripada kawasan tapak cadangan. Kawasan tasik didapati memisahkan taman kepada dua zon. Tasik juga didapati tercemar disebabkan menjadi kawasan takungan air yang datang dari kawasan industri dan komersial berdekatan.



Rajah 05 : Kawasan badan air / tasik yang ada di dalam keadaan tapak cadangan

3.4 Risiko Bencana Alam



Taman Tasik Seremban ini berkemungkinan mempunyai risiko bencana alam seperti banjir, kerana ianya lebih rendah dari paras jalan raya. Walau bagaimanapun ia boleh diatasi sekiranya rekabentuk kelak mengambilkira perkara ini dan langkah bagi mengatasinya. Tapak cadangan terletak lebih rendah berbanding kawasan sekeliling menyebabkan kawasan tapak menerima jumlah air yang banyak.

3.5 Kadar Sosioekonomi Tapak dan Sekitar

Lokasi taman awam ini terletak berdekatan dengan sekolah, bangunan kerajaan dan kawasan komersial akan menjadikan kawasan ini mudah untuk dikunjungi oleh pelancong dan penduduk setempat

3.6 Visual Kualiti


Taman Awam ini secara geografinya adalah beralun. Kualiti visual adalah aspek penting dalam reka bentuk taman yang mempengaruhi persepsi dan pengalaman pengunjung. Ia mempunyai kualiti visual hijau menjadi sangat penting. Kehadiran pokok teduhan mencipta pelbagai vegetasi, menambah dimensi visual dan menarik minat pengunjung dan memberikan pesona alami yang unik



Rajah 06 : Antara pemandangan yang menarik di sekitar tapak cadangan

3.7 Topografi

Taman Tasik Seremban mempunyai bentuk muka bumi yang beralun. Tapak juga terletak dibawah paras jalan di sekeliling tapak. Kawasan di sekitar tasik adalah berbukit, dengan lereng-lereng yang memberikan pemandangan yang cantik ke arah tasik. Terdapat jalanan dan trek yang berliku untuk pengguna berjogging. Pokok-pokok besar di sepanjang laluan pejalan kaki memberi teduhan kepada para pengunjung.



Rajah 07: Topografi tapak cadangan

3.8 Penduduk

Populasi penduduk semasa di dalam kawasan ini adalah berjumlah kira-kira 40,000 orang pada tahun 2022. Manakala penduduk di kawasan Daerah Seremban berdasarkan maklumat berdasarkan Majlis Bandaraya Seremban adalah berjumlah 415,000. Terdapat kawasan perumahan bersebelahan dengan tapak cadangan. Dengan adanya taman ini akan dapat menampung keperluan kawasan rekreasi dan riadah penduduk setempat serta keperluan riadah bagi penduduk Daerah Seremban dan Taman Tasik Seremban.

4.0 PELAN PERANCANGAN REKABENTUK

4.1 Perancangan Rekabentuk Lanskap dan Revitalisasi

Berdasarkan kepada Pelan Induk Lanskap / RT / RS / Majlis Bandaraya Seremban, kawasan yang dikemukakan ini berpotensi sebagai kawasan cadangan tindakan, dengan adanya cadangan ini, diharapkan penduduk di daerah PBT akan mendapat manfaat dari taman awam tersebut sekaligus menjadi mercu tanda baru kepada kepada MBS.

4.1 Kemampuan PBT Melaksanakan Kerja-Kerja Penyelenggaraan

Berdasarkan kepada pemerhatian dan perbincangan dengan pihak PBT Majlis Bandaraya Seremban (MBS), mereka melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan baik di Taman awam. Didapati pokok dan rumput diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan. Kerja-kerja penyelenggaraan lanskap kejur turut dilaksanakan walaupun jumlah komponennya kurang di kawasan ini. Inisiatif pihak PBT Majlis Bandaraya Seremban menyelenggara lanskap di Taman Tasik Seremban merupakan satu usaha yang baik

4.2 Guna Tanah Tapak Cadangan Dan Kawasan Sekitar

Gunatanah kawasan sekitar Taman Tasik Seremban di kelilingi oleh pusat komersil dan perumahan. Terdapat juga gunatanah institusi iaitu sekolah di sebelah kawasan rekreasi dan ini boleh menjadi sumber pembelajaran tambahan bagi sekolah. Guru dapat menggunakan taman sebagai tempat untuk mengajarkan tentang ekosistem, ekologi, atau ilmu alam secara langsung di lapangan.

4.3 Pulangan kepada komuniti

Pulangan kepada komuniti dapat dilihat boleh dilihat dari beberapa aspek yang memberi manfaat jangka pendek dan panjang kepada penduduk setempat serta pengunjung. Komuniti dapat peningkatan kualiti hidup dengan adanya pelbagai kemudahan dan pencahayaan yang baik,

masyarakat dapat menikmati persekitaran yang selesa dan selamat untuk beriadah. Naik taraf taman boleh menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negeri, seterusnya meransang ekonomi tempatan melalui peningkatan kunjungan.

4.4 Manfaat Sosial dan Alam Sekitar

Manfaat sosial yang dapat diterapkan antaranya peningkatan interaksi komuniti. Taman yang selesa dan dilengkapi dengan kemudahan mendorong interaksi sosial, membolehkan penduduk daripada pelbagai latar belakang berjumpa dan bergaul.

Manfaat pada alam sekitar adalah pemulihan dan pemeliharaan ekosistem. Penambahbaikan sering kali merangkumi penanaman pokok teduhan, pemulihan flora, dan menjaga habitat bagi hidupan liar di kawasan tasik. Ini membantu meningkatkan biodiversiti tempatan dan menyediakan perlindungan kepada spesis tumbuhan dan haiwan yang terancam.

5 POTENSI, HALANGAN DAN STRATEGI

5.1 Potensi

5.1.1 Ruang Rekreasi dan Aktiviti Rekreasi:

Taman di pusat bandar memberikan ruang terbuka bagi warga Seremban untuk berekreasi. Ianya dapat digunakan untuk berbagai aktiviti fizikal serta memberikan alternatif sihat dan menyenangkan untuk menghabiskan waktu luang. Laluan pejalan kaki dan trek basikal yang lebih luas dan selesa akan menarik lebih ramai pengunjung. Pembangunan kawasan parkir yang teratur juga berpotensi memudahkan akses.

5.1.2 Pembangkit Ekonomi Lokal:

Taman yang menarik sering kali menjadi daya tarik bagi pelancong dan pengunjung dari luar kawasan secara tidak langsung ianya, dapat meningkatkan ekonomi setempat. Pusat komersil di sekitar taman dapat mengalami pertumbuhan kerana aktiviti pelancongan dan rekreasi. Pelbagai inisiatif dapat menjadi hub ekonomi yang lebih dinamik, merangsang aktiviti perniagaan lokal dan memperkuuh hubungan antara sektor pelancongan, kebudayaan, dan komuniti setempat.

5.1.3 Lokasi Yang Strategik Sebagai Tempat Berkumpul dan Berinteraksi:

Taman dapat menjadi titik pusat bagi komuniti setempat untuk berkumpul, berinteraksi, dan merayakan pelbagai acara kerana lokasi di pusat bandar. Ini mewujudkan ikatan sosial yang kuat di antara warga Seremban dan meningkatkan rasa keterlibatan dalam kehidupan berkomuniti.

5.1.4 Rekabentuk Mesra OKU:

Ia adalah salah satu aspek penting dalam menaiktaraf Taman Tasik Seremban untuk memastikan taman tersebut inklusif dan dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat. Beberapa langkah boleh diambil untuk memastikan taman ini mesra

OKU, termasuk aksesibiliti fizikal dan penyediaan kemudahan khusus.

5.2 Halangan

Pada dasarnya tapak cadangan ini tiada halangan untuk dibangunkan sebagai sebuah taman awam. Walau bagaimanapun tapak cadangan ini perlukan perhatian mengenai isu teknikal ketika dibangunkan kerana tapak cadangan yang dilawati didapati lebih rendah dari kawasan sekeliling dan ini terdapat keperluan untuk kajian dan penyelidikan yang lebih mendalam.

5.3 Strategi Pelaksanaan

Satu Strategi perancangan untuk memastikan projek menaiktaraf Taman Tasik Seremban berjaya dan memberi impak positif kepada komuniti serta pelancong, pelaksanaan perlu dirancang secara teliti dengan pendekatan yang berstruktur. Kajian keperluan dan permintaan perlu dilakukan secara menyeluruh bagi mengenal pasti keperluan semasa pengunjung dan penduduk sekitar.

Proses menaiktaraf taman boleh dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan bahagian-bahagian tertentu masih boleh digunakan oleh pengunjung sepanjang tempoh pembinaan. Taman yang dinaiktaraf perlu ada pelan penyelenggaraan berkala untuk menjaga kualiti kemudahan awam. Ini termasuk membersihkan tasik, menyelenggara laluan dan bangku, serta memastikan kemudahan OKU sentiasa dalam keadaan baik.

Melalui strategi-strategi ini, projek menaiktaraf Taman Tasik Seremban dapat dilaksanakan secara tersusun, memenuhi keperluan masyarakat, dan berpotensi menjadi pemangkin ekonomi serta tarikan utama di Seremban.

6 KESIMPULAN

Taman Tasik Seremban ini bersesuaian untuk dijadikan taman awam berdasarkan visi pihak Majlis Bandaraya Seremban yang sangat komited untuk membina satu taman rekreasi awam yang memberikan kebaikan kepada komuniti. Taman Rekreasi Awam ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kawasan kejiranan di sekeliling taman yang bakal dibina. Selain daripada itu, perancangan yang teliti perlu bagi menghubungkan akses dan kemudahsampaian yang baik serta konteks sekeliling yang perlu diambil kira supaya ada kesinambungan secara menyeluruh.Pihak Majlis Bandaraya Seremban juga memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi untuk memastikan tenaga kerja dan peruntukan penyelenggaraan yang mencukupi sekiranya taman ini dibangunkan kelak.